



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 29 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ESTET IKAN TAMBAH PENGELUARAN IKAN NEGARA, ONLINE, HAKAKAH	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PROJEK TERNAK LEMBU SADO, KOMUNITI KITA, KOSMO -32	LAIN-LAIN
3.	RM6,000 SEBULAN JUAL IKAN BEKOK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -30	
4.	UMK BANTU JENAMAKNA IKEY BEKOK TUMPAT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -30	
5.	NELAYAN TERJEJAS ANGKARA PUKAT TUNDA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -31	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

ESTET IKAN TAMBAH PENGELUARAN IKAN NEGARA



KOTA BHARU: Projek estet ikan di Masjid Ar-Rahman Pulau Gajah, Pengkalan Chepa yang mula dilaksanakan tahun lalu, kini telah membuahkan hasil.

Malah, projek estes ikan berkenaan juga antara usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi menambah pengeluaran ikan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi

berkata, projek itu merupakan yang pertama di Kelantan dan Semenanjung Malaysia.

Katanya, tahun lalu sebanyak 3,000 benih ikan telah dilepaskan ke dalam estet ikan berkenaan yang mempunyai keluasan 1.62 hektar.

"Kini kita sudah mempunyai 11 estet ikan di seluruh negara, bagaimanapun ianya adalah estet ikan air tawar.

"Bagaimanapun di sini adalah estet ikan air payau," ujarinya.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan tahniah kepada peserta terutama komuniti dan Anggota Jawatankuasa Masjid Ar-Rahman yang telah berusaha sehingga program berkenaan berjaya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang tuai hasil estet ikan di tasek Masjid Ar-Rahman, semalam.

Selain projek perikanan, masjid berkenaan juga turut mencetuskan idea agro pelancongan bagi meningkatkan pendapatan tidak langsung kepada tabung masjid tersebut.

Sempena program tersebut, dijangka melalui kaedah pertandingan memancing, orang ramai berpeluang menderma kepada masjid tersebut. – **HARAKHDAILY 28/3/2021**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2021	KOSMO	KOMUNITI KITA	32



AZMAN (tengah) menyampaikan plak kepada salah seorang penternak pada program ternakan lembu sado di Besut baru-baru ini.

Projek ternak lembu sado

TERNAK. Kerajaan negeri Terengganu melancarkan projek Pembangunan Lembu Sado Berkelompok di Dewan Sivik Jabi, Besut baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, projek perintis berkenaan melibatkan 70 penternak lembu sado di seluruh daerah

di negeri ini kecuali Kuala Terengganu.

Beliau berkata, semua lembu sado tersebut akan dibela di kawasan padang ragut yang disediakan di setiap daerah terlibat.

“Kita juga akan menggiatkan promosi daging lembu sado dengan jenama Daging Katang sebagai permulaan untuk menembusi pasaran,” katanya.

29/8/2021

DALAM
NEGERIUTUSAN
MALAYSIA

30

RM6,000 sebulan jual ikan bekok

Oleh **ROSLIZA MOHAMED**
utusannews@mediamula.com.my

TUMPAT: Rupanya seakan-akan ikan kering manakala baunya pula kurang menyenangkan. Namun selepas digoreng, ikan bekok menghasilkan aroma tersendiri yang amat menyelerakan.

Ikan bekok atau bengkak merujuk kepada ikan-ikan terkecil yang diproses dalam rendaman air garam selama semalaman sebelum dijemur di bawah matahari selama beberapa jam.

Bezanya dengan ikan kering, ikan bekok kelihatan sedikit 'membengkak' kerana masih mengandungi air memandangkan ia tidak dikeringkan sepenuhnya.

Penduduk Kampung Geting di sini, Noriah Ghazali, 55, menghasilkan ikan bekok sejak 2016 dan rancang mengusahakannya secara komersial dengan bimbingan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Permintaan tinggi termasuk dari luar Kelantan membuatkan wanita itu tidak menyang tangan kerana perlu menghasilkan 150 kilogram ikan bekok pelbagai jenis spesies iaitu gelama, layur, cencaru, talang dan kilik pada setiap minggu.

Katanya, dia yang dibantu dua pekerja bagaimanapun berbaloi apabila mereka mampu meraih antara RM5,000 hingga RM6,000 sebulan.



MORIAH bersama pekerja menjemur ikan bekok di kawasan premis milik Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kampung Geting, Tumpat.
- **UTUSAN / ROSLIZA MOHAMED**

"Proses menghasilkan ikan bekok bermula dengan menyiang ikan, membersihkan, merendam air garam semalaman dan terakhir, menjemurnya di bawah matahari dalam masa empat jam.

"Selepas itu ikan tersebut akan disimpan dalam bungkus sejuk bagi memastikannya ia tahan lama sebelum dijual kepada pelanggan," katanya ketika pada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

APAKAH IKAN BEKOK?

- Berasal daripada perkataan bengkak
- Ikan menjadi bengkak kerana direndam dalam air garam
- Bukan spesies ikan tetapi sejenis ikan yang diproses
- Diproses dengan cara direndam air garam semalaman
- Kemudian dijemur empat jam di bawah matahari
- Antara spesies ikan yang sesuai dijadikan ikan bekok ialah
 1. Cencaru
 2. Gelama
 3. Layur
 4. Talang
 5. Kilik

"Biasanya kami hantar ikan bekok itu menggunakan pengangkutan awam seperti bas ekspres," katanya yang turut membuka kedai makan sendiri dengan menu utama nasi berlauk ikan bekok di Kampung Geting.

Sementara itu, seorang pelanggan tetap Mohd Irwan Rahimi, 40, berkata, dia dan keluarganya amat menggemari ikan bekok goreng yang sedap dimakan bersama ulam serta budu.

29/8/2021

DALAM
NEGERI

30

UTUSAN
MALAYSIA

UMK bantu jenamakan Ikey Bekok Tumpat

BACHOK: Perusahaan ikan bekok semakin berkembang pesat menerusi Program Usahawan Sosial Ikan Bekok yang digerakkan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (Ins-PeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Ketua program itu, Dr. Tengku Fauzan Tengku Anuar berkata, setakat ini, seramai 22 usahawan ikan bekok di sekitar Kampung Geting, Tumpat menerima bimbingan pihaknya bagi mengkomersialkan produk masing-masing.

Menurutnya, objektif program itu adalah untuk melaksanakan pemindahan pengetahuan secara praktikal melalui Modul Teras Keusahawanan bermula Disember tahun lepas hingga Julai tahun ini.

Antara fokus utamanya

adalah membangunkan jaringan pemasaran dengan memasarkan melalui penjenamaan *Ikey Bekok Tumpat* termasuk mempromosikan produk ikan bekok komersial yang mesra pelanggan, lebih kemas dan menarik perhatian.

"Dalam masa sama, pembangunan modal insan melalui program ini membantu meningkatkan sum-ber pendapatan komuniti dalam

kalangan golongan B40 di Kampung Geting," katanya ketika ditemui di UMK Kampus Bachok, di sini baru-baru ini.

Tengku Fauzan yang juga Ketua Bahagian Penyelidikan InsPek berkata, ikan bekok selama ini merupakan salah satu makanan tradisi masyarakat di Kampung Geting yang terletak berdekatan dengan Pantai Seri Tujuh

"Ikan bekok tidak asing lagi bagi penduduk setempat namun kurang dikenali orang luar kerana kurang dipasarkan di luar Kelantan sedangkan produk ini mempunyai nilai komersial yang tinggi daripada

segi permintaan."
"Aspek pembungkusan menjadi salah satu cabaran dalam meluaskan pasaran ikan bekok kerana mudah rosak. Selain itu, pembungkusan yang biasa pula gagal menarik minat pembeli untuk mencuba produk ini," katanya.

Menurut Tengku Fauzan, selain membina semula imej usahawan bimbingannya, pihak UMK juga menyediakan sebanyak 400 pek bungkusan permulaan untuk usahawan memperkenalkan produk masing-masing bermula bulan ini.

"Selepas ini jika peserta hendak teruskan, mereka boleh membuat tempahan semula bungkusan dengan cara berhubung terus kepada kilang yang mengeluarkan bungkusan tersebut," katanya.



PEK pembungkusan yang menarik hasil bantuan UMK.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2021	DALAM NEGERI	UTUSAN MALAYSIA	31



PENDAPATAN lebih 500 nelayan di Pulau Betong dan Gertak Sanggul, Pulau Pinang terjejas berikutan aktiviti pencerobohan bot pukat tunda berhampiran peraliran Pulau Kendi.

Nelayan terjejas angkara pukat tunda

GEORGETOWN: Hasil pendapatan lebih 500 nelayan di Pulau Betong dan Gertak Sanggul di sini terjejas berikutan aktiviti pencerobohan bot pukat tunda yang didakwa 'bermaharajalela' pada waktu malam berhampiran perairan Pulau Kendi di sini.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, masalah yang berlarutan sejak 40 tahun lalu itu dilaporkan masih berlaku di sekitar kawasan tersebut.

Menurutnya, banyak aduan telah dibuat kepada pihak berkaitan namun aktiviti tersebut masih berlaku.

"Bot pukat tunda dikatakan telah menceroboh zon A secara berkumpulan. Mereka datang dari pangkalan Teluk Bahang dan Batu Maung tanpa memasang lampu bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Berikutan kejadian itu,

pendapatan nelayan di sini merosot kerana ikan dan udang yang menjadi sumber tangkapan utama mereka berkurangan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, nelayan-bot pukat tunda itu juga dikatakan akan berlabuh dan berehat di pulau berkenaan pada waktu pagi sebelum meneruskan aktiviti mereka keesokan hari.

"Nelayan-nelayan di sini turut mengalami kerugian disebabkan jaring mereka rosak akibat diancam lumpur, siput duri, sisa kayu dan besi serta pelbagai bahan buangan selepas bot pukat tunda tersebut beroperasi," jelasnya.

Mohideen berkata, sebuah bot pukat tunda berkeupayaan memerangkap dan membunuh lebih 60 peratus benih anak ikan termasuk beberapa jenis ikan berkualiti tinggi seperti senangin, bawal, tenggiri termasuk sotong.